



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN - SABTU, 4 JANUARI 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



4/1/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	BANJIR: TAK MENANG TANGAN, JKM KELANTAN RAYU KERAJAAN TAMBAH KAKITANGAN		NEUTRAL
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/banjir-tak-menang-tangan-jkm-kelantan-rayu-kerajaan-tambah-kakitangan-503025	ASTROAWANI.COM	
	https://www.youtube.com/watch?v=U9F6XYm6e4E	YOUTUBE	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	KEWARGANEGARAAN JADI HARAPAN ENAM ADIK BERADIK YATIM PIATU		POSITIF
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2379167	BERNAMA.COM	
	https://malaysiagazette.com/2025/01/03/remaja-yatim-piatu-jaga-5-adik-rayu-dapatkan-mykad/	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	https://www.bernama.com/en/news.php?id=2379181	BERNAMA.COM	
	https://thesun.my/malaysia-news/six-orphaned-siblings-seek-swift-approval-of-citizenship-applications-JO13481181	THESUN.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	63 MANGSA BANJIR MASIH DI DUA PPS DI KELANTAN, JOHOR		NEGATIF
	https://www.malaysiakini.com/news/730547	MALAYSIAKINI.COM	
	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/01/03/floods-63-evacuees-still-at-relief-centres-in-kelantan-and-johor/161887	MALAYMAIL.COM	
	https://themalaysianreserve.com/2025/01/03/floods-63-still-housed-at-relief-centres-in-kelantan-johor/	THEMALAYSIANRESERVE.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



4/1/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	PERLESENAN PLATFORM MEDIA SOSIAL LINDUNGI KANAK-KANAK DARI JENAYAH		POSITIF
	https://suaramerdeka.com.my/perlesenan-platform-media-sosial-lindungi-kanak-kanak-dari-jenayah/	SUARAMERDEKA.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	MEMILIH CIRI RUMAH TANGGAMU		POSITIF
	https://berita.rtm.gov.my/laporan-khas/kolumnis/senarai-berita-kolumnis/senarai-artikel/memilih-ciri-rumah-tanggamu	BERITA.RTM.GOV.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	KEMISKINAN MENINGKAT JIKA WANITA TIDAK BEKERJA		NEUTRAL
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/01/kemiskinan-meningkat-jika-wanita-tidak-bekerja/	UTUSAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	ISTERI DERA SUAMI		NEUTRAL
	https://www.hmetro.com.my/WM/2025/01/1172313/isteri-dera-suami	HMETRO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
8	PENIAGA DIDENDA RM1,800 CABUL WANITA WARGA ASING		NEGATIF
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/01/peniaga-didenda-rm1800-cabul-wanita-warga-asing/	UTUSAN.COM.MY	



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN ANALITIK HARIAN
SABTU, 4 JANUARI 2025






LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM


www.kpwkm.gov.my • kpwkm

LIPUTAN KESELURUHAN MEDIA TRADISIONAL

PECAHAN RANGKUMAN BERDASARKAN KATEGORI



PECAHAN RANGKUMAN BERDASARKAN KATEGORI




LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM


www.kpwkm.gov.my • kpwkm




LIPUTAN KESELURUHAN MEDIA TRADISIONAL




LIPUTAN BERDASARKAN JENIS MEDIA



LIPUTAN BERDASARKAN BAHASA MEDIA



LIPUTAN PECAHAN SENTIMEN



PEMPENGARUH MEDIA UTAMA

TAJUK BERITA	JUMLAH LIPUTAN
Banjir: Tak menang tangan, JKM Kelantan rayu kerajaan tambah kakitangan	2
Kewarganegaraan Jadi Harapan Enam Adik Beradik Yatim Piatu	4
63 mangsa banjir masih di dua PPS di Kelantan, Johor	3


TAJUK BERITA UTAMA

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM


www.kpwkm.gov.my • kpwkm




LIPUTAN KESELURUHAN MEDIA SOSIAL



LIPUTAN BERDASARKAN PLATFORM MEDIA SOSIAL



LIPUTAN PECAHAN SENTIMEN



PEMPENGARUH UTAMA/KOL

TAJUK BERITA	JUMLAH LIPUTAN
<u>Seorang wanita mengalami kecederaan di bahagian perut selepas ditikam dengan pisau oleh anak saudaranya ketika berlaku pertengkaran mulut antara mereka</u>	3
<u>Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Negeri Kelantan memohon sokongan tambahan daripada kerajaan untuk lebih bersedia menghadapi sebarang gelombang susulan</u>	3
<u>Cemburu dipercayai punca wanita dipukul lima wanita</u>	5

TAJUK TOPIK UTAMA



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm

LIPUTAN KESELURUHAN MEDIA SOSIAL


FRASA PALING POPULAR

trend yang sedang meningkat dalam mesej berkaitan topik



HASHTAG PALING POPULAR

mesej dalam perbincangan dengan menggunakan hashtag yang relevan.



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM


www.kpwkm.gov.my • kpwkm

LIPUTAN KESELURUHAN MEDIA

METRIK UTAMA


Mentions	Impressions	Interactions	Avg. influence score	Opinion leaders
696 ↓	25.08M ↓	28.6k ↓	5.1/10 ↓	154
34.09% less than in previous period	-44.52% less than in previous period	-77.56% less than in previous period	-3.15% less than in previous period	

LIPUTAN PECAHAN SENTIMEN



SUSURMASA LIPUTAN - ISU ISU SEMASA

- Banjir: Tak menang tangan, JKM Kelantan rayu kerajaan tambah kakitangan
- Kewarganegaraan Jadi Harapan Enam Adik Beradik Yatim Piatu
- 63 mangsa banjir masih di dua PPS di Kelantan, Johor



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



ANALISIS LIPUTAN MEDIA - AGENSI

TOPIK UTAMA

REMAJA YATIM PIATU JAGA 5 ADIK RAYU DAPATKAN MYKAD

LIPUTAN BERITA

- o MELAKA – “Saya merayu agar permohonan mendapatkan Mykad kami enam beradik sejak empat tahun lalu dipermudahkan tambahan pula kami baru kehilangan ibu saudara yang menjadi satu-satunya tempat bergantung selepas kematian ibu bapa”.
- o Itu harapan pelajar tingkatan lima Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seri Tanjong, Pantai Kundor di sini, Nul Aziza Rosnani, 18, yang menjadi tempat lima adiknya masih bersekolah berusia antara 17 dan 11 tahun untuk bergantung harap.
- o selepas kematian ibunya, warganegara Filipina Nila Nasir pada 2016, enam beradik berkenaan, Ahmad Baharom, 17, Azrul, 16, Khalid, 15, Maulidin, 13, dan Siti Khadijah, 11, dijaga Rosani Saman sebelum dia pula meninggal dunia pada 2021.
- o Sejak itu, mereka dijaga ibu saudaranya Hajirah Hiarun, 51, namun hidup enam beradik itu sekali lagi berdepan ujian apabila wanita berkenaan meninggal dunia akibat serangan jantung ketika dalam tidur pada Rabu lalu.
- o [Link\(1, 2, 3\)](#)

CADANGAN

Pemudahcara Dokumentasi MyKad dengan bekerjasama dengan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) untuk mempercepatkan proses dokumentasi bagi kanak-kanak yang tiada dokumen pengenalan diri dan memberikan bimbingan dan sokongan kepada keluarga ini dalam mengumpulkan dokumen yang diperlukan. Cadangan ini bertujuan untuk memastikan keluarga seperti ini mendapat sokongan menyeluruh untuk membina kehidupan yang lebih baik, di samping memastikan hak mereka sebagai warganegara dipenuhi.

TINDAKAN

- KPWKM
- JKM



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



INFORMASI DARI NEGARA LUAR



*Bilangan kanak-kanak yang dirujuk kepada perkhidmatan kesihatan mental kecemasan di England telah meningkat secara mendadak, dengan angka menunjukkan peningkatan sebanyak 10 peratus dalam kes mendesak dalam tempoh setahun sahaja.
- Gambar hiasan*

Topik: Rujukan kesihatan mental kanak-kanak di England meningkat
[\[LINK\]](#)

LONDON: Bilangan kanak-kanak yang dirujuk kepada perkhidmatan kesihatan mental kecemasan di England telah meningkat secara mendadak, dengan angka menunjukkan peningkatan sebanyak 10 peratus dalam kes mendesak dalam tempoh setahun sahaja.

Senarai menunggu yang panjang untuk penjagaan kesihatan mental rutin di Perkhidmatan Kesihatan Kebangsaan (NHS) dikatakan menjadi punca yang mendorong golongan muda yang terdedah kepada krisis, lapor Agensi Anadolu yang memetik analisis data terkini oleh badan amal kesihatan mental YoungMinds.

Antara April dan Oktober 2024, terdapat 34,793 rujukan kecemasan, sangat mendesak atau segera kepada pasukan krisis perkhidmatan kesihatan mental kanak-kanak dan remaja (CAMHS), berbanding 31,749 dalam tempoh yang sama pada 2023.

YoungMinds menekankan bahawa ramai kanak-kanak yang memerlukan rawatan kecemasan mengalami cabaran kesihatan mental yang teruk, termasuk idea untuk bunuh diri dan keadaan serius seperti gangguan makan.

Walaupun memerlukan rawatan segera, ramai yang telah terperangkap dalam senarai menunggu NHS selama berbulan-bulan atau bahkan bertahun-tahun, memburukkan lagi keadaan mereka.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Banjir: Tak menang tangan, JKM Kelantan rayu kerajaan tambah kakitangan

Luqman Hariz
03/01/2025 10:30 MYT



Azizan (tengah) berkata, sewaktu gelombang pertama melanda Kelantan pada 24 Nov lalu, beliau sendiri tidak pulang ke rumah selama lima hari akibat kekurangan anggota untuk mengendalikan kesemua 70 PPS di Pasir Mas. Foto Astro AWANI/Firdaus Mohari

PASIR MAS: Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Kelantan memohon sokongan tambahan daripada kerajaan untuk lebih bersedia menghadapi sebarang gelombang susulan banjir.

Pegawai Kebajikan Masyarakat Pasir Mas, Azizan Aziz berkata, sewaktu gelombang pertama melanda jajahan itu November lalu, setiap seorang anggotanya perlu mengendalikan 1,000 orang mangsa di Pusat Pemindahan Sementara (PPS).

Katanya, ini merangkumi semua aspek pengurusan mangsa setibanya mereka di PPS, termasuk pendaftaran, sokongan psikologi, dan gerak atur penghantaran bantuan.

"Kami di sini sangat kekurangan kakitangan. 38 anggota perlu menjaga 38,000 mangsa di PPS. Nisbahnya 1:1000.

"Jadi kakitangan kami perlu lakukan banyak pengorbanan, bekerja lewat malam, bekerja 24 jam, tak cukup rehat dan tidur," katanya.

Azizan yang merupakan seorang Orang Kuraya Upaya (OKU) berkata, beliau sendiri tidak pulang ke rumah selama lima hari sewaktu gelombang pertama melanda Kelantan pada 24 November lalu, akibat kekurangan anggota untuk mengendalikan kesemua 70 PPS di Pasir Mas.

Beliau turut meminta peranan JKM diteliti semula sewaktu musim bencana, yang masih perlu menjalankan tugas hakiki mereka sambil mengendalikan mangsa banjir yang naik mendadak di PPS.

"Saya memohon Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) menilai kembali peranan JKM dalam pengurusan bencana.

"JKM ada lapan kumpulan sasaran jabatan iaitu warga emas, OKU, kanak-kanak, pesalah muda, mangsa keganasan rumah tangga, mangsa bencana dan pengemis.

"Pengurusan bantuan, warga emas, OKU, kanak-kanak, semua kita kena uruskan. Jadi saya harapkan (perkara ini) bukan setakat di Pasir Mas, tetapi di seluruh Malaysia," ujarnya.

Pada kemuncaknya pada 24 November lalu, mangsa banjir di Pasir Mas meningkat hingga lebih 38,000 orang, yang ditempatkan di 70 PPS di sekitar jajahan itu.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Kewarganegaraan Jadi Harapan Enam Adik Beradik Yatim Piatu

03/01/2025 11:51 PM



Exco Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti negeri Datuk Kalsom Nordin (tiga, kiri) dan Ahli Dewan Undangan Negeri Pantai Kundur Tumintah Kadi @ Mohd Hashim (dua, kiri) menyantuni enam beradik yang merupakan anak yatim piatu di rumah mereka di Pekan Tenggara Batu hari ini. -- FotoBERNAMA (2025) HAK CIPTA TERPELHARA

MELAKA, 3 Jan (Bernama) --Enam beradik yang merupakan anak yatim piatu berharap permohonan mendapatkan status kewarganegaraan mereka dapat diluluskan dengan kadar segera seterusnya memudahkan mereka memohon MyKad.

MELAKA, 3 Jan (Bernama) --Enam beradik yang merupakan anak yatim piatu berharap permohonan mendapatkan status kewarganegaraan mereka dapat diluluskan dengan kadar segera seterusnya memudahkan mereka memohon MyKad.

Anak sulung daripada enam beradik itu, Nul Aziza Rosani, 18, yang sedang menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) berkata dokumen berkenaan penting buat mereka khususnya bagi tujuan persekolahan dan mendapatkan rawatan di klinik kesihatan kerana sekiranya tidak sihat, mereka hanya membeli ubat di farmasi sahaja.

"Dokumen yang ada pada saya sekarang ini ialah sijil kelahiran bukan warganegara dan sijil pengangkatan namun Alhamdulillah saya bersyukur proses menduduki SPM berjalan lancar tanpa halangan.

"Bagaimanapun, saya berhasrat untuk menyambung pelajaran di peringkat lebih tinggi dan sudah tentu memerlukan dokumen penting iaitu MyKad... jadi saya berharap boleh mendapatkan dokumen itu selepas permohonan kewarganegaraan diluluskan," kata pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Tanjung itu kepada pemberita di rumah sewa mereka di Pekan Tenggara Batu di sini hari ini.

Beliau berkata demikian selepas lawatan Exco Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti negeri Datuk Kalsom Nordin dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Kundur, Tumintah Kadi @ Mohd Hashim.

Nul Aziza berkata dia kini tinggal bersama lima lagi adik-adiknya Ahmad Baharom, 17, Azrul, 16, Khalid, 15, Mohd Said Maulidin, 12, dan Siti Khadijah, 10, selepas ibu saudara mereka Azira Hairon, 52, meninggal dunia pada Rabu lepas manakala ibu bapa kandung mereka, Nila Nasir dan Rosani Saman Ladit masing-masing meninggal dunia pada 2006 dan 2021.

Sementara itu, Kalsom berkata proses permohonan mendapatkan taraf kewarganegaraan bagi enam anak yatim piatu itu telah dikemukakan oleh Pejabat Jawatankuasa Pembangunan dan Penyelarasan Dewan Undangan Negeri (Japerun) Pantai Kundur ke Kementerian Dalam Negeri pada Mei tahun lepas.

Justeru katanya, kerajaan negeri akan memantau perkembangan proses permohonan berkenaan dan berharap ia dapat disegerakan bagi memudahkan kehidupan enam adik-beradik berkenaan.

Katanya sebelum ini mereka hanya mendapat sijil lahir bukan warganegara memandang beberapa dokumen penting yang diperlukan tidak dapat dilengkapkan.

"Selain itu, kita juga akan memantau secara dekat kehidupan enam adik-beradik ini dengan kerjasama pemimpin dan penduduk kampung kerana mereka memilih untuk tidak berpisah atau tinggal di asrama.

"Namun sekiranya terdapat aduan kehidupan mereka tidak terurus atau timbul sebarang masalah, kita akan cari penyelesaian lain termasuk menghantar mereka ke asrama," katanya.

Mengulas mengenai kebajikan pula, beliau berkata kesemua anak yatim itu mendapat pelbagai bentuk bantuan termasuk makanan dan kewangan daripada antaranya Jabatan Kebajikan Masyarakat, Majlis Agama Islam Melaka serta pelbagai badan bukan kerajaan dan individu prihatin.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm

TAJUK :	EIGHT ITEMS ON OKU'S INCLUSION THAT M'SIA GOVT SHOULD DO IN 2025		
HARI :	SABTU	AKHBAR :	THE BORNEO POST
TARIKH :	4 JAN 2025	M/SURAT :	04
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

COMMENT

Nadhir Nasi

Eight items on OKU's inclusion that M'sia Govt should do in 2025



The writer states the urgency in tabling the Persons with Disabilities Act 2008's amendment as among eight items that the Madani government should do to show that it is walking the talk on inclusivity and sustainability.

TWO years have passed under the current Madani Government's administration, two years since the proclamation of the Jakarta Declaration on the Asian and Pacific Decade of Persons with Disabilities (OKUs) 2023-2032, and two years after the end of Malaysia's Action Plan for Persons with Disabilities 2016-2022.

However, it seems nothing substantial or meaningful has really happened concerning disabled people's empowerment, development, and inclusion in Malaysia.

It seems that the Madani Government, particularly the Ministry of Women, Family and Community Development, does not really have a clear and robust agenda on disabled people (OKU)'s inclusion.

Therefore, it feels like things are stagnant and ambiguous. We hear no news on some important issues. We feel frustrated and disappointed in some actions taken by the government today.

Year 2025 is an imperative one for Malaysia. Malaysia is now the Chair of Asean. This year is the final term for the 12th Malaysia Plan (12MP).

The government also engaged the public in several states to develop the next Malaysia Plan.

As such, to walk the talk, i.e., to translate inclusivity and sustainability, I posit Madani Government should do the following items.

i. First, the Madani Government should publicise the evaluation report on the Action Plan

for Persons with Disabilities 2016-2022. A transparent and accountable evaluation is important for meaningful civic participation, especially among the disabled community. It is also critical in nurturing

consciousness and capacities for participatory inclusive nation-building. The evaluation's report, hence, must be published in accessible formats and disseminated through accessible manners.

ii. Second, the Madani Government should publicise the National Self-Assessment Report of the Mid-Term Review of the 'Asean Enabling Masterplan 2025: Mainstreaming the Rights of Persons with Disabilities'.

This is important in advancing the localisation of various action points of the regional masterplan and strengthening regional integration activities. Similar to the first item, the report must be published in accessible formats and disseminated through accessible manners.

iii. Third, the Madani Government should develop the next Action Plan for Persons with Disabilities 2023-2032. The development process must involve individuals of various categories of impairment and their representative organisations. The basis must be, among other things, the two reports mentioned above as well as the Operational Guide on the Implementation of the Jakarta Declaration on the Asian and Pacific Decade of Persons with Disabilities 2023-2032.

iv. Fourth, the Madani Government should accelerate the tabling of the Persons with Disabilities Act 2008's amendment. The work has been done, various people have been consulted, and promises have been made. It is odd to not complete the endeavour.

v. Fifth, the Madani Government should appoint at least seven individuals representing different categories of impairment as members of the National Council for Persons with Disabilities for the session 2025-2026. The Minister of Women, Family and Community Development should act beyond the literal legal text, embracing the supposed inclusionary spirit through meaningful engagement with disabled people's organisations.

vi. Sixth, the Madani Government should accelerate the appointment of the Commissioner representing the disabled community to the Commission of Human Rights Malaysia (Suhakam). The process must engage disabled people's organisations meaningfully. The government should also provide adequate funding to support the operational and advocacy work, including hiring relevant officers and researchers.

vii. Seventh, the Madani Government should ensure meaningful participation of the disabled community in the end-term review of the 12th Malaysia Plan and the development of the 13th Malaysia Plan. Disabled people's affairs are multi- and cross-dimensional issues. Their affairs require multi- and cross-sectoral actions. Thus, the next nation-building agenda must not exclude disabled people's perspectives, aspirations and leadership.

viii. Finally, the Madani Government should ensure disabled people's participation, both in Malaysia and from other Asean member states, in all Asean-related events and activities. I also urge the government to organise and hold programmes concerning disabled people in regional development affairs, either as specific events of their own or as side events of broader conferences or meetings. To this end, the government can collaborate with disabled people's organisations and other relevant stakeholders.

● *Nadhir Nasi is a blind independent consultant and researcher, specialising in disability issues.*

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



mic BERITA

63 mangsa banjir masih di dua PPS di Kelantan, Johor

Diterbitkan: Jan 3, 2025 9:31 AM · Dikemaskini: 9:31 AM

Sebanyak 63 mangsa banjir masih berada di pusat pemindahan sementara (PPS) di Kelantan dan Johor setakat 8 pagi ini.

Di **KELANTAN**, portal Info Bencana Jabatan Kebajikan Masyarakat memaklumkan 36 mangsa banjir di Pasir Mas masih berada di PPS Sekolah Kebangsaan (SK) Gual Tok Deh, Rantau Panjang, kekal seperti semalam.

Sementara itu, portal infobanjir.water.gov.my Jabatan Pengairan dan Saliran mencatatkan Sungai Golok di Rantau Panjang berada pada paras waspada, iaitu 7.70 meter.

Di **JOHOR** pula, jumlah mangsa banjir kekal 27 orang seperti semalam.

Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Dr Azmi Rohani berkata semua mangsa banjir itu ditempatkan di PPS Balai Raya Kampung Perpat di Kota Tinggi.

"Selain itu, keadaan cuaca di kesemua 10 daerah dijangka cerah pada pagi ini," katanya menerusi kenyataan hari ini.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



LANGKAH kerajaan melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) melesenkan platform media sosial dapat melindungi kanak-kanak daripada menjadi mangsa jenayah.

"Mereka (pengendali media sosial) dipertanggungjawabkan (jika apa-apa berlaku) sama ada mahu membenarkan pengguna berniaga atau membuat siaran langsung, kerana media sosial merupakan satu platform baharu," katanya ketika dihubungi Suara Keadilan.

Beliau diminta mengulas mengenai langkah Kerajaan MADANI yang menguatkuasakan pelesenan itu dalam usaha melindungi kanak-kanak daripada menjadi mangsa pedofilia, selain menyekat aktiviti jenayah siber.

Dalam pada itu, beliau berkata, peraturan di media sosial turut terpakai sama seperti peraturan yang terdapat di tempat fizikal.

"Kalau tempat fizikal (di mana-mana), akan ada (penguat kuasa) contohnya penyelia dan peraturan yang dibuat oleh pihak kerajaan.

"Jadi di platform media sosial media pun (peraturan) itu juga terpakai," ujarnya.

SKMM dalam kenyataan kelmarin memberitahu penyedia perkhidmatan pesanan Internet dan media sosial ByteDance (TikTok) serta Tencent (WeChat) menjadi dua syarikat terawal diberikan lesen bagi membolehkan mereka beroperasi di negara ini.

SKMM berkata, dua syarikat itu adalah antara empat penyedia perkhidmatan pesanan Internet dan media sosial utama yang mengambil langkah signifikan pematuhan kawal selia yang ditetapkan kerajaan bermula 1 Januari 2025. – SM

Perlesenan platform media sosial melindungi kanak-kanak dari jenayah

Wartawan SuaraMerdeka 3 January 2025

LANGKAH kerajaan melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) melesenkan platform media sosial dapat melindungi kanak-kanak daripada menjadi mangsa jenayah.

Pengarah Komunikasi Angkatan Muda Keadilan (AMK) Malaysia, Haziq Azfar Ishak berkata, pelesenan itu adalah sesuatu yang diperlukan memandangkan ketika ini banyak kes yang berlaku melibatkan media sosial termasuk buli siber.

Katanya, melalui cara itu ia sekurang-kurangnya boleh dilihat dalam aspek melindungi kanak-kanak daripada jenayah buli, pedofilia dan sebagainya.

"Seperti sebelum ini, ada seorang adik telah meninggal dunia (akibat buli siber). Apabila berlaku (kematian), pihaknya yang sepatutnya mengambil tanggungjawab adalah penyedia platform media sosial.

"Jadi, saya lihat apabila lesen itu dikuatkuasakan, ia meningkatkan tanggungjawab penyedia media sosial ini untuk lebih bertanggungjawab.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Memilih ciri rumah tanggamu

Kolumis - Dicipta: 03 Januari 2025 12:03 PM - Kemas kini: 03 Januari 2025 12:10 PM



Foto hiasan/RTM

SAUDARA PENGARANG

Pernahkah anda berhenti sejenak dan menilai keadaan rumah tangga anda? Adakah ia bahagia, "so-so," atau berada di titik derita? Hakikatnya, rumah tangga adalah refleksi hubungan yang dibina antara dua insan, penuh dengan cabaran dan peluang untuk bertumbuh bersama.

Rumah tangga "so-so"

Rumah tangga "so-so" adalah kategori yang sering dialami ramai pasangan. Ia berada di tengah-tengah — tidak terlalu bahagia tetapi juga tidak terlalu derita. Konflik besar jarang berlaku, namun kebahagiaan mendalam juga tidak dirasakan. Rutin harian seperti bekerja, menguruskan anak-anak, dan menjaga rumah sering kali menjadi mendatar, lalu menjadikan hubungan pasangan terasa hambar.

Tanda utama rumah tangga ini ialah kurangnya komunikasi yang mendalam, fokus terhadap hubungan suami isteri yang terabal akibat kesibukan, serta kurang kesedaran terhadap keperluan meningkatkan kualiti hubungan.

Namun, ini bukanlah pengakhiran. Pasangan boleh mencuba memperbaiki komunikasi, meluangkan masa bersama, atau menambah elemen baru dalam kehidupan. Aktiviti seperti bercuti, mencuba hobi bersama, atau sekadar berbicara dari hati ke hati sebenarnya boleh menghidupkan kembali kemesraan yang telah hilang.

Rumah tangga derita

Rumah tangga derita pula penuh dengan konflik dan tekanan emosi. Pertengkaran berulang, keganasan emosi atau fizikal, serta rasa terperangkap tanpa jalan keluar adalah antara ciri utamanya. Keadaan ini sering digelar hubungan toksik, dengan masalah seperti komunikasi buruk, tekanan kewangan, atau pengaruh keluarga menjadi punca utama.

Dalam situasi sebegini, salah seorang atau kedua-dua pasangan mungkin mengalami tekanan psikologi yang mendalam. Untuk keluar dari kitaran ini, bantuan profesional seperti kaunseling perkahwinan adalah langkah penting. Jika keadaan terlalu parah, keberanian untuk mengakhiri hubungan toksik demi kesejahteraan diri dan anak-anak adalah keputusan yang perlu dipertimbangkan.

Rumah tangga bertahan

Rumah tangga bertahan menggambarkan pasangan yang hidup bersama atas dasar tanggungjawab, bukan cinta. Hubungan ini lebih mirip kepada istilah "empty shell marriage," di mana pasangan tinggal bersama kerana faktor luaran seperti ekonomi, anak-anak, atau tekanan sosial.

Komunikasi yang minimum dan ketiadaan keintiman emosi menjadikan hubungan seperti ini kosong. Walaupun ia kelihatan stabil di luar, kebahagiaan di dalam hampir tidak wujud. Untuk mengatasi keadaan ini, pasangan perlu diberi sokongan, baik dari segi pendidikan tentang hak dalam perkahwinan mahupun sokongan kewangan dan sosial bagi memulakan perubahan hidup.

Keberanian melakukan perubahan

Hidup berumah tangga bukan sekadar berkongsi tanggungjawab atau melalui rutin harian, tetapi tentang membina sebuah "masjid" yang menjadi tempat berteduh jiwa dan membawa rahmat kepada keluarga. Namun, untuk mencapai kebahagiaan dan kestabilan, kesedaran dan keberanian adalah kunci utama.

Sejarah telah menunjukkan kita bagaimana keberanian untuk berubah mampu mencipta kebahagiaan yang bermakna. Contohnya, Allahyarham Tun Dr. Ismail Abdul Rahman, seorang tokoh penting dalam sejarah Malaysia, pernah berkata bahawa keluarga adalah sumber kekuatannya.

Walaupun beliau sibuk sebagai seorang pemimpin, beliau sentiasa meluangkan masa untuk isterinya, Toh Puan Norashikin, dan anak-anak mereka. Kisah ini mengingatkan kita bahawa masa dan perhatian adalah "pelaburan" penting untuk rumah tangga yang kukuh.

Selain itu, kita juga dapat mengambil pengajaran daripada hadis Rasulullah SAW: "Sebaik-baik kalian adalah yang paling baik terhadap ahli keluarganya, dan aku adalah orang yang paling baik terhadap ahli keluargaku." (Riwayat al-Tirmidhi)

Hadis ini menekankan bahawa kejayaan seorang individu bermula di rumah. Bagaimana kita melayan pasangan dan anak-anak mencerminkan akhlak kita sebagai umat Islam. Jika kita ingin rumah tangga bahagia, kita perlu menjadi pasangan yang membawa rahmat, memahami, dan penuh kasih sayang.

Apabila mendapati diri berada dalam rumah tangga "so-so," derita, atau bertahan, ingatlah bahawa perubahan tidak akan datang tanpa usaha. Langkah kecil seperti memperbaiki komunikasi, meluangkan masa berkualiti, atau mendapatkan bantuan kaunseling adalah permulaan yang bermakna. Seperti sebuah kapal yang hanyut, hanya dengan memegang kembali kemudi, kita dapat mengubah arah menuju pelabuhan yang damai.

Persoalannya: apakah kita bersedia menjadi kapten kepada kapal rumah tangga kita sendiri? Jangan takut untuk berubah, kerana perubahan adalah asas kepada kebahagiaan yang lebih besar. Ingatlah janji Allah SWT: "Sesungguhnya Allah tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri." (Surah ar-Ra'd, ayat 11)

Jika anda berada di persimpangan, lihatlah contoh-contoh pasangan yang berjaya mengubah kehidupan mereka. Jadikan mereka inspirasi untuk memulakan langkah pertama. Dengan usaha, doa, dan sokongan yang betul, kebahagiaan dalam rumah tangga bukan hanya impian, tetapi sebuah realiti yang boleh dicapai.

Apakah keputusan anda untuk berubah hari ini akan membawa anda menghampiri kebahagiaan rumah tangga yang sejati? Langkah pertama bermula dengan anda.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Kemiskinan meningkat jika wanita tidak bekerja



CAMBAR HIASAN

Oleh HAFIZ SADINA 3 Januari 2025, 7:00 am

PETALING JAYA: Peningkatan jumlah wanita yang memilih untuk menjadi suri rumah sepenuh masa dikhuatiri menjadi punca kadar kemiskinan isi rumah semakin meningkat di Malaysia.

Apabila wanita terutama yang memiliki kelayakan akademik memilih menjadi suri rumah sepenuh masa ia akan menyebabkan pendapatan isi rumah berkurangan dan boleh menjerumuskan keluarga mereka di kancuh kemiskinan.

Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Mohd. Effendy Abdul Ghani berkata, ketidakseimbangan ekonomi akan wujud apabila wanita tidak bekerja dan pendapatan isi rumah hanya bergantung kepada lelaki.

Katanya, ini sekali gus meningkatkan jurang kemiskinan dan menjejaskan kesejahteraan keluarga terutamanya dalam kalangan golongan berpendapatan rendah serta tinggal di kawasan bandar.

"Beban ekonomi ini turut menyumbang kepada masalah demografi seperti penurunan kadar kelahiran dan perkahwinan yang mempercepatkan penuaan penduduk serta mengurangkan tenaga kerja masa depan," katanya kepada Utusan Malaysia.

Beliau menegaskan bahawa kehilangan penyertaan wanita berkemahiran tinggi dalam sektor penting seperti pendidikan, perubatan dan perkhidmatan akan menurunkan produktiviti dan daya saing.

Semalam akhbar ini melaporkan, ramai wanita berhenti kerja dan memilih untuk menjadi suri rumah sepenuh masa.

Mengikut data Jabatan Perangkaan, sekitar tiga juta wanita daripada 4.8 juta wanita yang berhenti kerja menyatakan tuntutan sebagai suri rumah sebagai alasan.

Faktor lain yang mendorong kaum wanita yang membentuk 6.72 juta tenaga buruh negara berhenti kerja pada usia antara 25 dan 64 tahun ialah faktor pendidikan iaitu sebanyak 151 juta dan selebihnya atas sebab lain.

Katanya, keadaan itu menyebabkan kadar penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan negara masih ketinggalan walaupun kadar graduan golongan itu ke universiti melebihi lelaki setiap tahun.

Tambah Mohd. Effendy, wanita sememangnya sering berdepan diskriminasi di tempat kerja termasuk cabaran untuk mendapatkan kenaikan pangkat berbanding lelaki.

"Stereotaip gender yang masih wujud mengangap lelaki lebih sesuai untuk peranan kepimpinan, manakala wanita sering dilihat kurang kompeten walaupun memiliki kelayakan dan pengalaman yang setara.

"Ketiadaan wanita berpendidikan tinggi dalam pasaran kerja mengakibatkan kehilangan kepakaran serta kebergantungan kepada pekerja asing meningkat.

"Selain itu, ketiadaan simpanan hari tua seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) atau pencen meningkatkan risiko kemiskinan pada usia emas dan membebankan keluarga," katanya.

Presiden Persekutuan Majikan-majikan Malaysia (MEF), Datuk Dr. Syed Hussain Syed Husman pula berkata, bahawa monopoli lelaki dalam sektor pekerjaan lebih banyak membawa kerugian berbanding manfaat.

Menurut beliau, penyertaan seimbang lelaki dan wanita adalah asas kepada ekonomi inklusif dan mampan.

"Jika lelaki memonopoli sektor pekerjaan di Malaysia, ia akan mempunyai kesan besar terhadap sosial, ekonomi, dan pembangunan negara.

"Ketiadaan wanita dalam sektor pekerjaan akan mengehendakan kepelbagaian idea, inovasi dan kreativiti yang diperlukan untuk mencari solusi secara holistik dalam organisasi dan industri.

"Dalam jangka panjang, kekurangan penyertaan wanita boleh menyebabkan Malaysia kehilangan hampir separuh potensi tenaga kerja produktif yang mengakibatkan ekonomi negara akan rugi terutama dalam sektor yang banyak menerima manfaat daripada penyertaan wanita," katanya.

Tambah Dr. Syed Hussain, wanita yang telah lama meninggalkan pekerjaan akan menghadapi kesukaran untuk menyesuaikan diri dengan perubahan teknologi, aliran kerja dan keperluan pasaran kerja terkini.

"Kekurangan pengalaman terkini menyebabkan majikan meragui keupayaan mereka untuk segera menyesuaikan diri dalam peranan baharu.

"Ini akan memperkukuhkan lagi stereotaip negatif bahawa wanita kurang layak sekaligus melemahkan usaha ke arah kesaksamaan gender.

"Majikan melihat ini sebagai cabaran dalam memastikan produktiviti dan komitmen jangka Panjang dikalangan Wanita sedemikian," katanya. – UTUSAN

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Isteri dera suami

Nor 'Asyikin Mat Hayin
asyikin.mat@hmetro.com.my



KES peik peguam kendali selepas diminta bantu selesaikan proses perceraian akibat sering dipukul.

SANGAT jarang kejadian keganasan rumah tangga membabitkan suami didera isteri diketengahkan kepada umum berbanding isteri didera suami.

Ia boleh dianggap sebagai kes terpencil dan jarang berlaku tetapi benar-benar terjadi.

Nursakinah Jaludin, 35, antara peguam syarie yang 'bertuah' dapat mengendalikan antara satu-satunya kes unik itu sejak 10 tahun menceburi bidang berkenaan.

Menurutnya, itu adalah kes paling menarik yang dikendalikannya dan dia membantu menguruskan permohonan cerai lelaki berusia lewat 40-an terhadap isterinya.

"Lelaki malang ini menjadi mangsa penderaan isterinya bermula pada awal perkahwinan selama belasan tahun.

"Namun, dia sudah tidak mampu lagi mempertahankan mahligai yang dibina atas dasar cinta," katanya.

Katanya, lelaki itu sering dihambur dengan kata-kata kesat, malah turut dipukul dan disepak isterinya.

"Saya kendalikan kes ini empat tahun lalu dan akibat penderaan itu lelaki terbabit mengalami kesan mental hingga kemurungan.

"Tidak tahu di mana sikap lelaki ini kerana dia menjalankan tanggungjawab sebagai suami dan bapa dengan baik.

"Hinggakan semua gajinya diserahkan kepada isteri. Lelaki ini hanya diberikan duit perbelanjaan harian untuk ke tempat kerja," katanya.

Jelasnya, lelaki itu bekerja dalam sektor kewangan, manakala isterinya hanya suri rumah.

"Namun segala pengorbanan lelaki ini tidak dihargai dan isteri tetap tidak menghormatinya sebagai suami.

"Kemuncak kemelut rumah tangganya ialah apabila lelaki ini dihalau dari rumah oleh isterinya.

"Keadaan itu memaksa lelaki terbabit pulang ke rumah keluarganya dan terbongkar masalah rumah tangga yang dirahsiakan sebelum ini," katanya.

Nursakinah berkata, selepas perbincangan bersama keluarganya, barulah lelaki itu mengambil keputusan untuk bercerai dengan isterinya.

"Keluarga sangat bersimpati dengan keadaan lelaki itu, lalu kakaknya menghubungi saya bagi membantu proses perceraian.

"Ini kes empat tahun lalu dan lelaki itu melafazkan cerai walaupun tanpa kehadiran isteri dengan kebenaran hakim, selepas mendapat kebenaran mahkamah.

"Saya berasa simpati dengan nasib yang menimpanya dan lelaki ini berubah kembali ceria selepas berpisah dengan isterinya," katanya.

Katanya, purata kes yang sudah dikendalikan sejak 2015 purata ialah sebanyak 500.

Menyentuh mengenai cabaran sebagai peguam syarie wanita Sakinah berkata, ia adalah daripada aspek mental dan fizikal kerana setiap hari mendengar masalah anak guam daripada pelbagai peringkat usia.

"Peguam syarie perlu profesional dalam memikirkan solusi masalah anak guam.

"Ia agak mencabar jika mengendalikan kes yang membabitkan anak-anak seperti penderaan dan anak dipisahkan daripada ibu.

"Perasaan dan emosi ini akan terbawa-bawa hingga pulang ke rumah," katanya.

Katanya lagi, dia pernah mengendalikan kes suami membawa lari anak daripada ibunya yang berusia tujuh bulan dan masih bergantung kepada susu badan.

"Namun, akhirnya ibu ini berjaya mendapat hak penjagaan anak ketika usianya (anak) setahun lebih menerusi mahkamah," katanya.

Menyorot kembali permulaan kerjayanya sebagai peguam syarie Nursakinah berkata, ia didorong minat terhadap sejak zaman persekolahan terhadap undang-undang syariah.

Katanya, impian itu direalisasikan apabila berjaya melanjutkan pengajian dalam bidang Syariah dan Undang-Undang Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

"Peranan peguam syarie ialah mewakili anak guam di Mahkamah Syariah dan saya memfokuskan kepada kes Mal seperti cerai, rujuk, nafkah isteri dan anak, hak selepas cerai termasuk faraid serta hibah di semua peringkat daripada Mahkamah Rendah, Mahkamah Tinggi juga Mahkamah Rayuan.

"Selain itu, saya juga Penasihat Undang-Undang Syariah dan panel peguam syarie di Klinik Guaman USIM yang memberikan khidmat nasihat secara percuma," katanya.

Dalam pada itu katanya, wanita perlu sentiasa menambah ilmu untuk memperkasakan dirinya.

"Meskipun sebagai suri rumah yang sibuk menguruskan rumah tangga, namun perlu mempersiapkan diri dengan ilmu

sama ada ilmu rumah tangga, agama dan hukum perkahwinan.

"Satu lagi, wanita perlu mempunyai ilmu mengenai hak dalam perkahwinan dan perceraian supaya tidak ditindas," katanya.

Disiarkan pada: Januari 3, 2025 @ 7:00am

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Peniaga didenda RM1,800 cabul wanita warga asing



Oleh JOHANNA MUMTAZ WANPA 3 Januari 2025, 3:29 pm

KUALA LUMPUR: Gara-gara mencabul kehormatan seorang wanita warga asing selepas sambutan Tahun Baharu, seorang peniaga didenda RM1,800 oleh Mahkamah Majistret di sini hari ini selepas mengaku bersalah melakukan perbuatan itu, dua hari lalu.

Majistret Farah Nabihah Muhammad Dan membuat keputusan itu setelah tertuduh, Siow Wei Hao, 28, mengaku bersalah atas pertuduhan yang dikemukakan terhadapnya. Sekiranya gagal membayar denda berkenaan, tertuduh boleh dipenjara selama lima bulan.

Mengikut pertuduhan, Wei Hao telah mencabul kehormatan seorang wanita warganegara China pada pukul 12.05 malam, 1 Januari lalu di pusat beli belah TRX, di sini.

Tertuduh didakwa di bawah Seksyen 354 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 10 tahun atau dengan denda atau sebatan atau kedua-dua sekali.

Timbalan Pendakwa Raya, Amritpreet Kaur Randhawa mencadangkan hukuman setimpal dikenakan terhadap tertuduh sebagai pengajaran.

Bagaimanapun, Wei Hao merayu hukuman minimum dikenakan terhadapnya kerana telah menjimatkan masa dan kos mahkamah.

"Saya juga telah menyesal dan berjanji tidak akan mengulangi kesalahan ini lagi. Dimohon agar mahkamah mempertimbangkan hukuman paling minimum," katanya.

Menurut fakta kes, semasa mangsa sedang dalam perjalanan keluar dari pusat beli belah TRX yang ketika itu dalam keadaan sesak, seorang lelaki telah melintas di hadapannya dan mencabulnya sebelum melarikan diri.

Bagaimanapun, lelaki itu telah berjaya ditahan oleh pengawal keselamatan dan diserahkan kepada pihak polis. – [UTUSAN](#)